

LATIHAN KBAT BAHASA MELAYU – SET 2
TINGKATAN 2
SMK ASYAKIRIN
2021

NAMA : KELAS:

TARIKH :

KURANGNYA KESEDARAN IBU BAPA TENTANG GEJALA BULI

Hanya satu daripada tiga ibu bapa yang menyertai tinjauan sedar tentang gejala buli yang melibatkan anak mereka, demikian menurut kajian Kementerian Pendidikan yang dikeluarkan pada hari Rabu yang lalu.

Tinjauan yang dilaksanakan antara Disember 1994 dan Januari 1995, melibatkan lebih daripada 19,000 orang ibu bapa, guru dan murid sekolah rendah, menengah rendah dan menengah atas, peringkat berlakunya kejadian buli.

Tinjauan ini yang julung kali dilakukan oleh kementerian ini merangkumi murid tahun empat ke atas. Berdasarkan kajian tersebut, 22 peratus murid sekolah rendah yang dikaji berpendapat bahawa mereka pernah berhadapan dengan gejala buli, berbanding hanya 13 peratus murid sekolah menengah rendah dan 4 peratus murid sekolah menengah atas.

Sebaliknya, 26 peratus murid sekolah rendah menyatakan bahawa mereka pernah membuli, dengan kadar peratusannya menurun ke tahap 20 peratus dalam kalangan murid sekolah menengah rendah dan 6 peratus murid sekolah menengah atas.

Dari kalangan mereka yang menjawab bahawa mereka membuli, sekitar antara 39 hingga 65 peratus menjawab bahawa mereka juga pernah dibuli.

Kajian itu menunjukkan bahawa 37 peratus ibu bapa kepada murid sekolah rendah yang dibuli sedar bahawa anak mereka telah menjadi sasaran buli. Angka ini sebanyak 34 peratus bagi ibu bapa murid sekolah menengah rendah dan 18 peratus bagi sekolah menengah atas. Bagi ibu bapa yang sedar akan buli yang berlaku, 14 hingga 18 peratus menyatakan bahawa mereka dimaklumkan tentang kejadian buli oleh guru. Hanya 3 hingga 4 peratus sahaja yang mengetahui kejadian buli tersebut menerusi anak-anak mereka, demikian menurut kajian tersebut.

Tinjauan itu juga mendapati bahawa 42 peratus daripada guru sekolah rendah tidak menyedari gejala buli disasarkan kepada murid mereka. Bilangan guru yang sebegini ialah 29 peratus di sekolah menengah rendah dan 69 peratus di sekolah menengah atas.

Apabila ditanya sebab di sebalik berlakunya gejala buli, lebih kurang 85 peratus guru menyatakan kurangnya pendidikan di rumah. Kebanyakan ibu bapa menyebut kurangnya rasa adil dan belas ihsan dalam kalangan kanak-kanak sebagai sebab utama.

Pegawai Kementerian Pendidikan menyatakan dapatan kajian ini menyarankan bahawa ibu bapa dan guru sepatutnya mempunyai hubungan yang akrab dengan murid untuk menghalang berlakunya kejadian buli.

Gejala buli di sekolah telah menjadi isu yang besar di Jepun setelah seorang kanak-kanak berusia 13 tahun, Kiyoteru Okouchi, telah menggantung dirinya, di Nishio, Wilayah Aichi, pada musim luruh 1994, dan meninggalkan sekeping nota yang menyatakan bahawa rakan sekelasnya berulang kali merendamnya di dalam air sungai yang berdekatan dan memeras wangnya.

Kejadian buli bunuh diri ini telah memaksa Kementerian Pendidikan mengeluarkan laporan tentang gejala buli pada bulan Mac 1995 untuk menggesa guru-guru supaya menghalang pembuli daripada datang ke sekolah.

Soalan 1

Apakah faktor-faktor berlakunya kes buli dalam kalangan murid sekolah?

- I. Pembuli pernah dibuli.
- II. Kurangnya pendidikan di rumah.
- III. Pembuli berdendam dengan orang yang dibuli.
- IV. Gejala buli menjadikan pembuli berasa lebih hebat.

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

(1 markah)

Soalan 2

Berdasarkan teks, berikut ialah peratus ibu bapa yang menyedari anak mereka menjadi sasaran buli. Tandakan (v) pada jawapan yang betul dan (x) pada jawapan yang salah.

Peratus ibu bapa yang menyedari anak mereka menjadi sasaran buli	v	x
1. 37 peratus ibu bapa kepada murid sekolah rendah		
2. 34 peratus ibu bapa murid sekolah menengah rendah		
3. 81 peratus ibu bapa murid menengah atas		

(3 markah)

Soalan 3

Berdasarkan teks, berikut merupakan pernyataan mengenai gejala buli dalam kalangan murid-murid sekolah. Tandakan (v) pada jawapan yang betul dan (x) pada jawapan yang salah.

Pernyataan	(v)	(x)
1. 26 peratus murid sekolah rendah menyatakan bahawa mereka pernah membuli, dengan kadar peratusannya menurun ke tahap 20 peratus dalam kalangan murid sekolah menengah rendah dan 6 peratus murid sekolah menengah atas.		
2. 24 peratus daripada guru sekolah rendah tidak menyedari gejala buli disasarkan kepada murid mereka.		
3. 22 peratus murid sekolah rendah yang dikaji berpendapat bahawa mereka pernah berhadapan dengan gejala buli, berbanding hanya 13 peratus murid sekolah menengah rendah dan 4 peratus murid sekolah menengah atas.		

(3 markah)